

# **ASAL USUL BAHASA, TAMADUN MANUSIA DAN PERKAITAN DENGAN RUMPUN BANGSA & BAHASA MELAYU**

**Profesor Dr. Solehah Yaacob  
Jabatan Bahasa Arab & Kesusasteraan  
Kulliyah Ulum al-Wahyu & Kemanusiaan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia**

## **ABSTRAK**

Teori perdebatan tentang asal usul penghijrahan rumpun Austronesia ke Asia Tenggara di kalangan bijak pandai masih lagi tidak sependapat. Kemungkinan dan andaian sentiasa menjadi bahan terakhir konklusi mereka. Penulis melihat kekurangan kajian yang ada perkaitan dengan asal usul manusia yang bermula di Timur Tengah itu tidak cuba dikaitkan oleh para bijak pandai. Justeru, teori-teori yang dikeluarkan tentang asal usul bangsa Austronesia di Alam Nusantara masih samar-samar. Untuk meneroka purba Alam Nusantara, pihak penulis cuba mengaitkan kejadian manusia berdasarkan Al-Quran dan perbezaan dengan Homo Erektus. Kemudian, penghijrahan manusia telah bermula 10,000 hingga 8000 tahun dahulukala sebelum Masehi apabila berlaku perubahan cuaca yang melampau di Semenanjung Arab. Pengaruh Bahasa Sanskrit juga merupakan titik asas perbincangan dasar di dalam kertas kerja ini. Untuk menghasilkan perbincangan ilmiah dan tuntas, penulis telah mengambil pendekatan analisa dan kritik. Penulis percaya, kertas kerja ini serba sedikit berpeluang memberi alternatif terhadap maklumat yang sedia ada.

**KataKunci: Sejarah dan Bahasa, Manusia dan peradaban, Austronesia dan Melayu**

**KAJIAN PERBANDINGAN EMPAT WARISAN MASJID TUA  
BERUSIA 100 TAHUN DI SELANGOR :**

**Masjid Kampung Tok Dagang, Klang, 1876**

**Masjid Raja Alang, Semenyih, Hulu Langat 1900**

**Masjid Kampung Pancang Bedena, Sabak Bernam, 1905**

**Masjid Kampung Sungai Kandis, Klang 1906**

Mohd. Zainudin bin Haji Abdullah  
(Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor)

---

**ABASTRAK**

Makalah ini mengupas tentang perbandingan warisan seni bina masjid tua yang masih tersisa di Negeri Selangor. Ia adalah lajutan setelah dokumentasi menyeluruh dilakukan dalam mengesan warisan seni bina masjid tua yang masih tersisa di Negeri ini. Analisa kajian bertujuan mengesan kesamaan dan perbezaan antara seni bina masjid lama yang ada di Selangor ini. Hasil pemerhatian mendapati warisan seni bina masjid tua di Selangor ini agak unik, justru kupasan lebih terjurus kepada aspek reka bentuk dan ragam hias ke atas masjid-masjid pilihan yang telah berusia 100 tahun. Dari aspek bentuk umumnya terdapat dua ragam utama yang dikesan. Pertama gaya warisan tradisi tulin Nusantara dengan gaya khusus bentuk bumbung tumpeng atau bertingkat menyerupai piramid, ke duanya ragam bentuk hasil asimilasi dari bentuk seni bina luar setelah era penjajahan, gaya ragam bentuknya pula datang dari pelbagai pengaruh dan yang paling ketara adalah pengaruh Eropah era Byzantian (Eropah Timur) dan dari pengaruh India khususnya era dinasti Mughal yang berpusat di India Utara. Diharapkan makalah ini dapat memberi gambaran jelas tentang ciri-ciri seni bina asal masjid tua yang terdapat di Negeri Selangor dan seterusnya usaha pengekalan dapat dijalankan demi kelangsungan warisan ini untuk terus diwarisi.

Kata Kunci: Masjid Tua; Seni bina; Selangor

# KEGIATAN JENAYAH DI SELANGOR, 1900-1941: SATU TINJAUAN

Che Rahmah Binti Ali<sup>1</sup>

Ho Hui Ling<sup>2</sup>

## Abstrak

Selangor menjadi tumpuan penjajah British dan imigran sejak pertengahan abad ke-19. Sejak itu, masalah politik, ekonomi mahupun sosial yang dihadapi oleh negeri itu semakin ketara. Salah satu masalah sosial yang mengganggu kestabilan pentadbiran dan ekonomi serta kehidupan penduduk ialah kegiatan jenayah. Justeru, persoalan utama dalam artikel ini ialah kenapa Selangor berdepan dengan kegiatan jenayah dan apakah hubung kaitnya dengan keadaan semasa di negeri itu? Selaras itu, objektif kajian ini ialah untuk meneliti punca-punca berlaku kegiatan jenayah dan jenis-jenis jenayah yang berlaku di Selangor. Untuk menjawab persoalan dan objektif tersebut, artikel ini memberi fokus perbincangan tentang kegiatan jenayah yang berlaku di Selangor dari tahun 1940 sehingga tahun 1941. Kajian ini disempurnakan melalui kaedah kualitatif dengan menganalisis sumber primer dan sekunder yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia serta Perpustakaan Universiti Malaya. Sumber yang dirujuk termasuk rekod pejabat kolonial, laporan tahunan kerajaan dan Jabatan Polis serta buku, artikel dan akhbar. Kajian tentang kegiatan jenayah di Selangor adalah penting dalam pensejarahan Selangor kerana setakat ini kajian seumpama ini belum lagi mendapat perhatian sewajar daripada para pengkaji sejarah. Kebanyakan kajian tentang sejarah awal Selangor lebih tertumpu kepada masalah politik dan pentadbiran serta perkembangan ekonomi. Daripada kajian dapat dirumuskan punca utama kegiatan jenayah berlaku di Selangor adalah masalah ekonomi yang turut mendatangkan kesan kepada pekerjaan dan kehidupan penduduk. Dalam keadaan itu, untuk meneruskan kehidupan, terdapat penduduk khususnya imigran yang terlibat dalam perlakuan jenayah. Secara umumnya, kegiatan jenayah yang berlaku di Selangor melibatkan kes rompakan, pecah rumah, kecurian dan membunuh. Kes jenayah yang dilaporkan berlaku di Selangor dalam tempoh kajian (1900-1941) mempunyai perkaitan rapat dengan faktor ekonomi. Keadaan ekonomi terjejas akibat Perang Dunia Pertama, 1914-1918 dan kemelesetan ekonomi dunia pada 1929-1935 telah mempengaruhi peningkatan kes jenayah di Selangor.

**Kata Kunci:** kegiatan jenayah, Selangor, Perang Dunia Pertama, kemelesetan ekonomi, British.

---

<sup>1</sup> Che Rahmah binti Ali adalah calon Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia) di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (shimapink@gmail.com)

<sup>2</sup> Dr. Ho Hui Ling adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (hohuiling@um.edu.my)

# **PENEMUAN ARTIFAK GANGSA-BESI DAN IMPAKNYA TERHADAP PERKEMBANGAN ZAMAN LOGAM DI SELANGOR**

Adnan Jusoh

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim, Perak  
T

## **Abstrak;**

Makalah ini menfokuskan tentang penemuan artifak gangsa-besi dan impaknya terhadap perkembangan Zaman Logam di Selangor. Berdasarkan laporan terdapat sejumlah penemuan artifak gangsa-besi yang dikaitkan dengan Zaman Logam telah ditemui di Selangor sama ada bersaiz kecil atau besar. Objek yang bersaiz kecil ialah alat-alat besi bersoket pelbagai saiz, sementara objek bersaiz besar pula melibatkan gendang gangsa dan loceng gangsa. Bagi menyiapkan penulisan ini rujukan kepustakaan telah dilakukan terhadap buku, artikel dan kertas kerja sama ada yang ditulis oleh penyelidik tempatan mahupun penyelidik kolonial. Hasil kajian menunjukkan bahawa Selangor merupakan salah sebuah lokasi penting susulan ditemui sejumlah objek gangsa-besi yang mewakili Zaman Logam. Penemuan tersebut bukan hanya menggambarkan kedudukan Selangor yang strategik di Selat Melaka dengan kewujudan pelabuhan di zaman silam, namun ia juga menggambarkan kewujudan longgokan bahan mentah yang penting iaitu bijih timah. Bahan mentah ini amat diperlukan oleh pedagang dari luar khususnya Vietnam untuk menghasilkan gendang gangsa dan loceng gangsa. Penemuan artifak gangsa-besi adalah bukti yang menunjukkan kepentingan Selangor dalam konteks sejarah tanah air khususnya pada Zaman Logam sama ada dari perspektif petempatan, kemunculan pelabuhan dan aktiviti perdagangan.

***Kata kunci:*** Zaman Logam, gendang gangsa, loceng gangsa, petempatan dan perdagangan

# **TARIAN POJA BUGIS SELANGOR: SEJARAH PERKEMBANGAN TARIAN BUGIS DI NEGERI SELANGOR**

Oleh : Khairul Anuar Bin Zainudin

Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA

## **Abstrak**

Makalah ini menghuraikan kepada sejarah perkembangan tarian masyarakat Bugis di negeri Selangor iaitu tarian Poja Bugis Selangor. Penyelidikan berdasarkan analisis teori tradisi (Edward Shils, 1981), teori penciptaan tradisi (Eric Hobsbawm, 1983) dan teori identiti budaya (Stuart Hall, 1990) serta pengumpulan data melalui kaedah kajian lapangan, temubual, pemerhatian turut serta dan pemerhatian dokumen. Penyelidikan secara sinkronik mengenai proses rekonstruksi dan penciptaan semula tarian tradisi yang berkaitan dengan tarian Pakurru Sumange dari Sulawesi Selatan, Indonesia yang telah dikesan bermula di Selangor seawal tahun 1988 dan berlangsung sehingga sekarang di Negeri Selangor. Sebuah tarian Bugis yang telah dipersembahkan kepada D.Y.M.M Sultan Selangor dan masyarakat negeri Selangor pada 2 September 1989 sempena Majlis Perasmian Muzium Sultan Alam Shah.

Kata kunci : tarian poja, bugis Selangor, sejarah tarian dan penciptaan semula tradisi.